

Dr. Mahathir selar C/VA/

UM 18 MAY 2002

SEPANG 17 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyelar stesen televisyep CNN yang menggunakan taktik kotor bagi menunjukkan seolah-olah Malaysia bersetuju dengan pandangan mereka dalam temu ramah eksklusif yang diadakan malam tadi.

Perdana Menteri berkata, penemu ramah CNN itu tidak memberikannya peluang untuk member&an penjelasan

sebaliknya menerangkan pandangan stesen itu sendiri secara panjang lebar dan kemudiannya bertanyakan soalan yang tiada kaitan dengan penerangan tersebut.

“Sebelum membuat soalan dia akan membuat kenyataan panjang dahulu yang menuduh kita itu dan ini dan akhirnya dia memberikan soalan yang tiada kaitan dengan kenyataan yang dibuat.

“Dengan cara itu nampak seolah-olah kita menerima kenyataan mereka,” katanya se-jurus tiba dari lawatan tiga hari ke Amerika Syarikat di Bilik Bunga Raya Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur hari ini.

Beliau mengulas temu ramah yang diadakan dengan CNN yang disiarkan oleh stesen televisyen satelit Astro awal pagi ini.

temu ramah guna taktik kotor

Menurut Perdana Menteri, penemu ramah itu sendiri memberikan pendapat yang jauh lebih lama berbanding penerangan yang diberikan olehnya.

“Inilah cara-cara kotor yang digunakan oleh CNN yang tidak mahu memberi saya peluang untuk menjawab pun, sedangkan mereka yang menjemput saya untuk mengadakan temu ramah.

“Kalau kita perhatikan yang lebih banyak bercakap ialah orang yang penemu ramah, lebih daripada kita (sedangkan) kalau hendak berikan pendapat dia tidak perlulah tanya saya,” tegas Perdana Menteri.

Mengenai pandangannya bahawa kehadiran tentera AS tidak diperlukan di rantau ini, Dr. Mahathir berkata, itu adalah pendirian Malaysia yang sudah lama dipegang.

“Kita memang pun daripada lama dahulu berpendapat bahawa tidak perlu ada tentera AS di sini untuk menjaga keselamatan Asia Timur.

“Kita juga tidak nampak sebarang cabaran atau ancaman di Asia Tenggara,” ujarnya.

Ditanya mengenai usaha AS menamatkan pemerintahan Saddam Hussin di Iraq, Perdana Menteri yang mengulangi pendiriannya berkata, AS bo-

leh berbuat demikian, tetapi mereka harus memastikan rakyat Iraq tidak akan menjadi mangsa.

“Dalam usaha ini, janganlah membabitkan rakyat Iraq sebagai mangsa kerana setakat yang kita tahu, rakyat negara itu menjadi mangsa dan Saddam Hussin tidak menderita sedikitpun kerana tekanan mereka,” katanya.